

## Seri Paduka zahir penghargaan kepada PDRM

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, semalam menzahirkan ucapan selamat menyambut Hari Polis Ke-214 kepada seluruh warga Polis Diraja Malaysia (PDRM), termasuk veteran dan pesara perkhidmatan itu.

Seri Paduka menzahirkan setinggi penghargaan kepada warga PDRM atas khidmat bakti, komitmen dan pengorbanan anggota dalam memastikan kedaulatan

dan keselamatan negara serta ketenteraman awam terus terjamin.

Baginda turut menzahirkan setinggi penghargaan dan rasa bangga kepada seluruh warga PDRM di atas pengorbanan yang dicurahkan tanpa mengira penat lelah dan masa sebagai petugas barisan hadapan dalam memerangi wabak COVID-19 sejak dari tahun lepas.

"Semoga warga PDRM akan terus kental dan bersemangat memberi khidmat demi menjaga ke-

daulatan, keselamatan, kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia," titah baginda menerusi kenyataan dimuat naik Facebook Istana Negara, semalam.

Dalam hantaran sama, Al-Sultan Abdullah turut mendoakan agar seluruh warga PDRM dirahmati dan dilindungi Allah SWT daripada segala bentuk ancaman serta musibah, manakala pahlawan negara yang terkorban ditempatkan bersama para solihin.

BERNAMA